

# Sistem pemerintahan konsep BN terbaik

KOTA KINABALU: Sistem pemerintahan yang dianggotai pelbagai parti mewakili semua kaum melalui konsep Barisan Nasional (BN) adalah yang terbaik bagi negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, konsep itu lebih baik daripada sistem pemerintahan satu parti yang tidak menjamin semua kaum diwakili dalam kerajaan.

Dengan bergabung dalam BN, semua parti mendapat jumlah perwakilan yang sama tanpa mengira saiz parti.

"BN adalah satu gabungan parti politik yang mempunyai cita-cita yang sama tetapi mewakili kelompok yang berbeza.

"Kalau kita tubuhkan sebuah parti saja dengan tidak mengambil kira suku kaum di negara kita, akan ada kaum yang berasa tersisih dan tertindas kerana tidak dapat perwakilan yang secukup-

nya," katanya.

Katanya, semua parti BN sama ada kecil atau besar mempunyai jumlah anggota yang sama banyak dalam Majlis Tertinggi BN, iaitu tiga orang.

"Suara mereka dapat didengar oleh semua pihak. Dengan itu kepentingan mereka lebih terjamin," katanya ketika merasmikan kongres tahunan ketiga Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) di Sekolah Menengah Kian Kok di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, konsep parti pelbagai kaum bergabung dalam BN adalah yang terbaik bagi mewakili semua kaum sehingga rakyat tidak lagi curiga dan berhasrat membentuk pemerintahan satu parti.

"Mungkin suatu hari apabila kita tidak lagi rasa curiga yang kaum kita akan tidak bersuara di peringkat tertinggi negara, pada ketika itu mungkin kita adakan se-

buah parti yang tidak bercorak gabungan tetapi mungkin sebuah parti tulen.

"Tetapi masa belum tiba kerana kita masih ragu dan rasa curiga sama ada kepentingan kita dapat dipertahankan dalam kerajaan dan parti," katanya.

Perdana Menteri berkata, konsep BN adalah bentuk yang paling sesuai dan unik untuk keadaan di negara ini.

Menurutnya, walaupun di negara lain wujud kerajaan campuran, tetapi ia berbeza dengan konsep BN.

Katanya, walaupun BN dianggotai pelbagai parti, tetapi mereka bersatu ketika menghadapi pilihan raya dan tidak bersaing sesama sendiri.

"Kita tidak berlawan sesama sendiri. Kita agihkan kawasan untuk parti secara adil mengikut peratusan kaum di negara kita.

"Ini untuk menunjukkan rakyat pelbagai kaum mendapat peluang men-

jadi wakil rakyat dan menganggotai kerajaan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu tidak mudah bagi kaum tertentu yang tidak menjadi majoriti di sesuatu kawasan pilihan raya.

Sebagai contoh, tidak ada kawasan pilihan raya di negara ini yang majoriti pengundinya daripada kalangan kaum India.

Menurutnya, melalui konsep BN, calon MIC disokong oleh pengundi yang menganggotai parti komponen lain dari kalangan kaum Melayu dan Cina.

Dengan itu, walaupun kaum India minoriti tetapi peluang meraih kemenangan sama cerah dengan kaum dari parti komponen lain, katanya.

Mengenai Akar, Perdana Menteri berkata, parti itu sejak awal lagi menyedari pentingnya pelbagai pihak di Sabah mengadakan kerjasama erat dengan Kerajaan Pusat dan BN.